

**KAJIAN MENGENAI PERSEPSI PEKERJA TERHADAP AMALAN
KESELAMATAN DI INTEGRATED LOGISTICS SOLUTION SDN. BHD.**

10DLS14F1021	MOHD HANIF BIN HASHIM
10DLS14F1083	MOHAMMAD FAHMI ASYRAH BIN ABRAHIM
10DLS14F1071	NURIN NABILAH BINTI MUSTAFFA
10DLS14F1079	NURFARIH HANNA BINTI MOHD FADROL
10DLS14F1017	UMASANGARRI A/P THAMILARSU
10DLS14F1043	DARSHINI A/P SATHIVEELAN

**LAPORANINI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

JABATAN PERDAGANGAN

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DISEMBER 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “**Kajian Mengenai Persepsi Pekerja Terhadap Amalan Keselamatan Di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.**” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia : _____

Tandatangan Penyelia : _____

Tarikh : _____

Disahkan oleh:

Nama Pensyarah Kursus : _____

Tandatangan Pensyarah Kursus : _____

Tarikh : _____

Nama Pensyarah Kursus : _____

Tandatangan Pensyarah Kursus : _____

Tarikh : _____

PENGAKUAN

Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah kami jelaskan sumbernya.

1. Tandatangan :

Nama : MOHD HANIF B HASHIM

No. Pendaftaran : 10DLS14F1021

Tarikh :

2. Tandatangan :

Nama : MOHAMMAD FAHMI ASYRAF B IBRAHIM RASDI

No. Pendaftaran : 10DLS14F1083

Tarikh :

3. Tandatangan :

Nama : NURIN NABILAH BT MUSTAFFA

No. Pendaftaran : 10DLS14F1071

Tarikh :

4. Tandatangan :

Nama : NURFARIH HANNA BT MOHD FADROL HISHAINI

No. Pendaftaran : 10DLS14F1079

Tarikh :

5. Tandatangan :

Nama : UMASANGARRI A/P THAMILARSU

No. Pendaftaran : 10DLS14F1017

Tarikh :

6. Tandatangan :

Nama : DARSHINI A/P SATHIVEELAN

No. Pendaftaran : 10DLS14F1043

Tarikh :

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Alhamdulillah, di sini kami ingin memanjatkan rasa bersyukur kehadrat Ilahi dengan limpah dan rahmatNya kami telahpun sempurna menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Kajian ini diwajibkan bagi semua pelajar politeknik sebagai salah satu syarat untuk penganugerahan diploma. Terlebih edahulu kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia kami, iaitu Puan Rohani Binti Yusof di atas segala tunjuk ajar, nasihat yang telah diberikan serta masa dan keringat yang telah diluangkan untuk membantu kami dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah modul kami semester enam, iaitu Encik Azli Bin Muhammad kerana banyak memberi tunjuk ajar serta tidak pernah jemu mendidik kami disamping mencurahkan ilmu kepada kami dan juga nasihat-nasihat berguna yang berkaitan dengan projek ini. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang telah banyak memberi bimbingan daln galakan serta tidak pernah jemu menabur bakti kepada kami. Tidak lupa juga, kepada seluruh anggota keluarga yang banyak membantu serta menyokong kami selama ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan juga kami ucapkan terima kasih kerana turut memberi galakan dan panduan kepada kami selama kami berada di politeknik ini. Pengalaman membuat penyelidikan ini banyak mengajar kami erti kesabaran, kegigihan dan keakraban hubungan silaturahim yang rapat antara pelajar dan pensyarah tanpa mengira warna kulit, bangsa dan agama. Ia merupakan satu kenangan manis dalam hidup kami dan tidak akan kami lupakan. Segala yang telah kami pelajari di sini akan kamijadikan panduan untuk menghadapi segala cabaran pada masa akan datang. Akhir kata, jasa dan pengorbanan daripada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini amatlah kami hargai. Semoga kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Seramai 100 orang responden telah dipilih secara rawak bagi menjawab borang soal selidik yang diedarkan secara kuantitatif. Borang soal selidik ini mengandungi 38 soalan yang dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian A mengandungi 10 soalan iaitu berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala, bahagian B pula mempunyai 30 soalan yang merangkumi 3 persoalan kajian, iaitu untuk mengkaji faktor polisi keselamatan, faktor latihan keselamatan dan faktor peralatan keselamatan. Analisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) for window version 23* untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan nilai min. Secara keseluruhannya, responden positif terhadap setiap soalan yang diedarkan. Min keseluruhan bagi faktor polisi keselamatan adalah 4.03. Manakala, min keseluruhan bagi faktor latihan keselamatan pula adalah 3.40. Bagi faktor peralatan keselamatan pula mendapat min keseluruhan sebanyak 3.50. Terdapat beberapa cadangan dan pandangan yang telah dikemukakan supaya persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja dapat diperbaiki.

ABSTRACT

This study aims to identify the employees' perception of habitually safeness in Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. 100 respondents were randomly selected to answer questions raised by quantitative survey forms. This questionnaire contents 38 questions that are divided into 2 sections. Section A content 8 questions related to the background of the respondent. While, section B has 30 questions covering 3 research questions to study the safety policies factor, safety practices factor and safety equipment factor. Descriptive analyze using Statistical Package for Social Science (SPSS) for window version 23 has been used to find the frequency, percentage and mean value. As the conclusion, the respondents give positive feedback for each question given. The mean for the safety policies factor is 4.03. While, the mean for the safety practices factor is 3.40. The safety equipment factor received a mean of 3.50. There are a few comments and suggestions that have been proposed so that the employees' perception of habitually safeness at the work place will be improve.

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB PENGENALAN	
1	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Masalah	3
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Definisi Operasional	7
1.8 Batasa Kajian	9
BAB SOROTAN KAJIAN	
2	
2.0 Pendahuluan	10
2.1 Polisi Keselamatan	11
2.2 Latihan Keselamatan	12
2.3 Peralatan Keselamatan	13

BAB	METODOLOGI	
3		
3.0 Pendahuluan	14	
3.1 Rekabentuk Kajian	15	
3.2 Kaedah Pengumpulan Data	16	
3.3 Populasi dan Sampel	17	
3.4 Instrumen Kajian	18	
3.5 Tatacara Kajian	18	
3.6 Kaedah Penganalisaan Data	20	
BAB	ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN	
4		
4.0 Pendahuluan	21	
4.1 Analisa Kebolehpercayaan Data	22	
4.2 Latar Belakang Responden	23	
4.3 Analisis Kajian Mengenai Persepsi Pekerja Terhadap Amalan Keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.	32	
4.3.1 Polisi Keselamatan	33	
4.3.2 Latihan Keselamatan	35	
4.3.3 Peralatan Keselamatan	37	
4.4 Kesimpulan	39	
BAB	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5		
5.0 Pendahuluan	40	
5.1 Perbincangan	41	
5.1.1 Polisi Keselamatan	41	
5.1.2 Latihan Keselamatan	42	
5.1.3 Peralatan Keselamatan	43	
5.2 Implikasi Kajian	44	

5.3 Cadangan	44
5.3.1 Cadangan Kepada Pihak Pengurusan Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.	45
5.3.2 Cadangan Kepada Pekerja Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.	45
5.3.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	46
5.4 Kesimpulan	47

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL		HALAMAN
Jadual 4.1	Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data	23
Jadual 4.3	Skala Min Skor	32
Jadual 4.3.1	Analisis kajian mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. dari aspek polisi keselamatan.	33
Jadual 4.3.2	Analisis kajian mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. dari aspek latihan keselamatan.	35
Jadual 4.3.3	Analisis kajian mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. dari aspek peralatan keselamatan.	37

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	HALAMAN
Rajah 4.2 (a) Taburan Responden Mengikut Jantina	24
Rajah 4.2 (b) Taburan Responden Mengikut Bangsa	25
Rajah 4.2 (c) Taburan Responden Mengikut Status	26
Rajah 4.2 (d) Taburan Responden Mengikut Umur	27
Rajah 4.2 (e) Taburan Responden Mengikut Pendapatan	28
Rajah 4.2 (f) Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	29
Rajah 4.2 (g) Taburan Responden Mengikut Pengesahan Mengikuti Mana-mana Kursus Keselamatan Dan Kesihatan	30
Rajah 4.2 (h) Taburan Responden Mengikut Pengesahan Mengalami Sebarang Kemalangan Semasa Bekerja	31

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kesihatan dan keselamatan pekerjaan merupakan satu bidang yang bertujuan melindungi kesihatan, keselamatan dan kebajikan pekerja. Keselamatan tempat kerja merupakan suatu aspek penting di dalam sesebuah organisasi syarikat. Ia merupakan salah satu tanggungjawab majikan di bawah Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 Malaysia untuk mengambil berat tentang kesihatan dan keselamatan para pekerja ketika bekerja di dalam sesebuah syarikat. Akta ini dikawalselia oleh Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dari Kementerian Sumber Manusia.

Keselamatan Pekerjaan diperkenalkan oleh Jabatan Kilang dan Jentera dari Kementerian Sumber Manusia berikutan peristiwa letupan kilang mercun Bright Sparkler di Sungai Buloh yang berlaku pada 1991. Ketika berlakunya kejadian tersebut, berpuluh-puluh pekerja terperangkap dan seramai 26 orang terkorban dalam insiden tersebut.

Selepas 1994, sebuah akta ditubuhkan dan diberi nama Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Jabatan Kilang dan Jentera mula menguatkuasakan akta ini dan seterusnya nama jabatan tersebut ditukar kepada Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan.

Isu keselamatan di tempat kerja sering dikaitkan dengan orang awam, tapak pembinaan dan yang paling dikaitkan adalah para pekerja. Berdasarkan jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, jawatankuasa keselamatan juga mempengaruhi persepsi terhadap pekerja dalam amalam keselamatan di tempat kerja. Mereka perlu memeriksa tempat kerja secara berkala sekurang-kurangnya 3 bulan sekali. Dengan ini pihak jawatankuasa dapat mengenalpasti sama ada tempat kerja mereka selamat ataupun sebaliknya. Jika berlaku kekurangan, pihak jawatankuasa perlu menaik taraf sistem keselamatan. Selain itu, pihak jawatankuasa jugak perlu membincangkan sebarang kemalangan dan keadaan yang tidak selamat, kejadian berbahaya, keracunan makanan dan penyakit di tempat kerja. Dengan ini mereka boleh Mengkaji semula langkah-langkah atau tindakan yang diambil untuk memastikan keselamatan dan kesihatan mereka ditempat kerja.

Oleh yang demikian, setiap syarikat perlu menekankan isu keselamatan pekerja agar setiap pekerja dapat membela nasib mereka jika berlaku sesuatu perkara yang tak diingini sekaligus dapat mewujudkan susasana pekerjaan yang selamat dan kondusif.

1.1 Latar Belakang Masalah

Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa majikan supaya mematuhi sepenuhnya peruntukan yang terkandung dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) 1994 bagi mengelak kemalangan di tempat kerja dan kehilangan nyawa pekerja mereka.

Menurut Timbalan Setiausaha Agung MTUC, A. Balasubramaniam berkata, majikan perlu mengutamakan keselamatan di tempat kerja memandangkan kebanyakan majikan kini dilihat lebih memberi tumpuan untuk mencapai sasaran jadual pengeluaran atau pembinaan di tempat kerja.

Kebiasaanya pengurusan OSH yang berkesan tidak hanya mengurangkan risiko terhadap keselamatan di tempat kerja, tetapi juga menunjukkan peningkatan tinggi dalam produktiviti pekerja. Menguruskan OSH dapat menjamin kesejahteraan tenaga kerja.

Masih ramai yang pengetahuannya mengenai keselamatan pekerja di tahap yang minimum dan banyak yang perlu dilakukan bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai aspek keselamatan pekerjaan.

Keselamatan pekerja perlu diambil berat kerana ia juga merupakan hak asasi pekerja. Majikan perlu memandang serius terhadap masalah keselamatan pekerja-pekerja mereka. Pemeriksaan ke atas peralatan-peralatan di tempat kerja perlu dilakukan secara berkala supaya tidak berlaku sebarang kemalangan kepada pekerjaan. Menurut Balasubramaniam lagi, beliau berkata bahawa Seksyen 15 Akta OSH jelas menyatakan majikan bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua pekerjanya.

1.2 Penyataan Masalah

Jika dilihat kepada faktor yang mempengaruhi persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan pekerjaan di tempat kerja adalah polisi keselamatan itu sendiri. Polisi keselamatan di tempat kerja penting bagi memberi panduan kepada pekerja-pekerja melakukan kerja dengan selamat dan tanpa berlaku sebarang kemalangan. Seharusnya setiap syarikat perlu memaparkan polisi keselamatan syarikat kerana telah banyak berlaku kes kemalangan di tempat kerja disebabkan oleh sikap majikan yang mengambil ringan tentang permasalahan ini.

Menurut Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) negeri, Ir. Dasuki Mohd. Heak (2015), sebanyak 146 kes kemalangan di tempat kerja dilaporkan berlaku di Terengganu dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini dengan sebahagian besarnya melibatkan sektor pengilangan yang mencatatkan 75 kes. Beliau juga menyatakan daripada jumlah itu, tiga kes maut dilaporkan iaitu dua dalam sektor pengilangan dan satu sektor pembinaan, manakala satu kes direkodkan untuk hilang upaya kekal (HUK) iaitu bagi sektor pengilangan serta 136 kes lagi dicatatkan untuk tidak hilang upaya kekal (THUK) yang melibatkan semua sektor kecuali perlombongan dan kuari.

Berdasarkan statistik kes kemalangan ini, ia membuatkan pekerja-pekerja terutama pekerja-pekerja bagi sektor perindustrian mengalami ketakutan untuk meneruskan kerja mereka. Hal ini membuatkan mereka berasa tidak selamat kerana kurangnya pengawasan keselamatan ke atas diri mereka. Bagi menjaga keselamatan pekerja, latihan keselamatan perlu diadakan di setiap syarikat terutamanya syarikat-syarikat besar. Sejauh mana latihan keselamatan dapat menjamin keselamatan para pekerja di tempat kerja, sejauh itulah keselamatan pekerja terjamin.

Peralatan keselamatan juga dapat mempengaruhi persepsi pekerja terhadap amalan pekerjaan di tempat kerja. Masalah ini dapat dilihat apabila adanya sesetengah pekerja mengalami sama ada kecelakaan yang ringan atau berat semasa melakukan tugas. Pekerja perlu berani menyuarakan hak mereka ke pihak atasan. Hal ini kerana, terdapat sesetengah pekerja yang tidak mempunyai peralatan keselamatan seperti tidak mendapat kasut keselamatan dan helmet keselamatan. Namun, mereka masih mendiamkan diri.

Oleh sebab itu, pengkaji telah memutuskan untuk mengkaji persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan pekerja di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd., yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran dengan lebih jelas dan memperoleh maklumat dengan lebih terperinci.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Ini adalah kerana persepsi setiap pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja adalah berbeza. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti persepsi pekerja terhadap polisi keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.
2. Mengenalpasti persepsi pekerja terhadap latihan keselamatan di Integraed Logistics Solution Sdn Bhd
3. Mengenalpasti persepsi pekerja terhadap peralatan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

1.4 Persoalan Kajian

Antara persoalan-persoalan terhadap kajian yang dibuat adalah seperti berikut:

1. Apakah persepsi pekerja terhadap polisi keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.?
2. Apakah persepsi pekerja terhadap latihan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.?
3. Apakah persepsi pekerja terhadap peralatan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.?

1.5 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan pekerja daripada Integrate Logistic Solutions Sdn. Bhd. Kajian memfokuskan kepada aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap kepentingan keselamatan semasa menjalankan kerja di dalam gudang. Aspek pengetahuan difokuskan kepada sudut amalan keselamatan diri, amalan keselamatan alatan dan amalan keselamatan persekitaran. Bagi aspek sikap pula, penyelidik memfokuskan kepada sikap patuh, sikap bertanggungjawab dan sikap mengamalkan. Seterusnya bagi aspek kemahiran bertumpu kepada kemahiran menggunakan, kemahiran menyemak dan kemahiran mengendali.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidikan lebih difokuskan kepada persepsi terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Kajian ini mempunyai kepentingan terhadap organisasi, pekerja, dan pengkaji akan datang.

a) Organisasi Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

Hasil kajian ini dapat memberikan maklumat terhadap organisasi mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan bagi menampaikan mutu keselamatan yang sedia ada di syarikat mereka. Polisi keselamatan dilihat amat mempengaruhi tahap kesedaran kepada keselamatan di tempat kerja dan perlu dititik beratkan oleh majikan.

b) Pekerja

Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat tentang tahap kesedaran kepada keselamatan pekerja. Dengan mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran terhadap keselamatan di tempat kerja boleh mengurangkan kadar kemalangan di syarikat tersebut.

c) Pengkaji akan datang

Hasil kajian ini diharap dapat memberi maklumat tentang pengkaji akan datang. Dengan mengetahui faktor-faktor tersebut pekerja lebih mengenali tentang amalan keselamatan pekerja di syarikat dan juga pengkaji akan datang mengetahui tentang aspek-aspek keselamatan semasa bekerja.

1.7 Definisi Operasional

Definisi operasional ini bertujuan untuk menyokong tajuk kajian dan memperjelaskan lagi maksud beberapa istilah dalam kajian.

a) Keselamatan

Menurut Rahman (2000) dan Wirdawati (2007) keselamatan merupakan perihal selamat, kesejahteraan atau keamanan. Keselamatan juga bermaksud keadaan terlindung daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, pekerjaan, psikologi, pelajaran dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini.

Manakala menurut kajian ini, pengkaji mentakrifkan keselamatan sebagai satu persekitaran kerja yang selamat dan bebas daripada sebarang risiko berlakunya kemalangan yang menyebabkan kecederaan mental dan fizikal.

b) Amalan

Menurut Kamus Pelajar Edisi ke-2 (2008) amalan bermaksud perbuatan yang baik-baik atau perbuatan yang biasa dilakukan atau kebiasaan.

Manakala menurut kajian ini, pengkaji mentakrifkan amalan sebagai cara bekerja sekumpulan pekerja yang berbeza dengan cara bekerja sekumpulan pekerja lainnya.

c) Polisi

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4 (2007) polisi bermaksud dokumen perjanjian yang mengandungi syarat-syarat.

Manakala menurut kajian, polisi ialah sebuah rancangan tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi untuk melaksanakan sesuatu dasar.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan gudang logistik. Setelah mengambil kira kemudahan dari segi logistik, pemilihan ini juga adalah berdasarkan faktor polisi keselamatan pekerja. Responden bagi kajian ini melibatkan pekerja-pekerja gudang logistik yang menggunakan gudang tersebut. Pengkaji membataskan reka bentuk kajian kuantitatif secara tinjauan dan alat statistik yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik untuk melihat persepsi terhadap amalan keselamatan dalam kalangan pekerja semasa bekerja di gudang. Di samping itu, terdapat batasan yang tidak sengaja iaitu semasa menjalankan kajian ini, antaranya ialah responden memberi maklumat yang telus dan tepat berdasarkan pengalaman dan pendapat responden. Diharapkan dalam kajian ini juga tiada sebarang unsur berat sebelah yang bakal mempengaruhi jawapan responden di dalam borang soal selidik yang diedarkan. Selain itu, daripada soal selidik yang diedarkan, diandaikan setiap responden memahami arahan dan menjawabnya dengan sempurna kerana semua responden yang dipilih mempunyai keupayaan dan kefahaman yang sama iaitu Bahasa Melayu.

Pengkaji juga menyatakan bahawa batasan dalam membuat kajian ini adalah dari segi kewangan. Antara kos yang dikeluarkan adalah kos kenderaan dan kos pencetakan kertas. Selain dari batasan kewangan, masa bagi pengkaji untuk mengkaji kajian ini juga terbatas. Hal ini kerana, pengkaji perlu juga melihat kepada waktu kelapangan pihak syarikat untuk ditemubual. Dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji diberi tempoh tertentu untuk menghantar keseluruhan kajian ini. Oleh sebab itu, pengkaji mempunyai kekangan masa dalam menyiapkan kajian ini.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pendahuluan

NIOSH (2000) mendefinisikan keselamatan dari segi pekerjaan adalah suasana pekerjaan yang bebas daripada bahaya kemalangan bukan hanya untuk orang yang bekerja tetapi juga kepada orang awam yang akan menjelaskan aktiviti pekerjaan yang dijalankan. Ini jelas menunjukkan keselamatan merupakan aspek terpenting dalam sesebuah organisasi bagi mewujudkan suasana kerja yang selamat serta bebas dari risiko berlakunya kemalangan.

Menurut kamus Cambridge Advance Learner's Dictionary, perkataan keselamatan ditakrifkan sebagai sesuatu keadaan atau tempat yang selamat atau bebas dari bahaya dan risiko. Laney (1982) pula menakrifkan amalan dan kesihatan pekerjaan sebagai satu kumpulan perkataan yang merangkumi segala aspek keselamatan dan kesihatan dalam jangka masa yang pendek dan panjang.

2.1 Polisi Keselamatan

Menurut Azuddin Bahari, Hanum Hassan dan Tunku Salha (2010) menyatakan bahawa polisi merupakan satu dokumen yang dikeluarkan khusus bagi organisasi tertentu dengan mengambilkira aktiviti-aktiviti serta saiznya. Dokumen ini memperkenan penyataan niat dan dikeluarkan oleh pengurusan tertinggi organisasi berkenaan. Dasar ini mestilah disediakan melalui perundingan antara majikan dan pekerjanya. Dasar ini mestilah bertulis, ringkas dan jelas dan juga mengandungi kerangka tanggungjawab dan iltizam majikan. Antara perkara-perkara yang perlu dinyatakan dalam pembentukan sesebuah polisi adalah seperti Polisi Keselamatan dan Kesihatan serta penyertaan pekerja.

Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atas beberapa tujuan. Antaranya adalah tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri diwajibkan menyediakan dan mengkaji pernyataan bertulis dasar amnya berkenaan dengan Keselamatan dan Kesihatan pekerja-pekerja di tempat kerja.

Hakimi, Shahida Mansor dan Muhammad Firdaus, 2014 (dipetik dari Yanti, 2005) pula mendapati bahawa Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) berperanan dalam membentuk polisi-polisi keselamatan dan mengawasi piawaian setiap hak pekerja.

Menurut kajian-kajian tersebut, setiap organisasi perlulah menyediakan polisi keselamatan supaya ia dapat menjadi panduan kepada para pekerja dan majikan itu sendiri. Selain itu, polisi ini dapat menjadikan organisasi itu sebuah organisasi yang mementingkan keselamatan pekerjanya.

2.2 Latihan Keselamatan

Azuddin Bahari, Hanum Hassan dan Tunku Salha Tunku Ahmad (2010) menyatakan mengenai keperluan latihan kepada para pekerja. Majikan perlu kenalpasti keperluan latihan untuk para pekerja bagi meningkatkan tahap kemahiran di tempat kerja. Keperluan latihan ini perlu dilihat dalam dua aspek iaitu untuk meningkatkan pekerja yang mahir dalam pengendalian keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan meningkatkan kemahiran dalam perlaksanaan tugas harian mereka.

Menurut Hapriza binti Ashari (2007), majikan mesti memastikan ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) mempunyai kefahaman dan pengetahuan asas tentang aspek keselamatan dan kesihatan yang terkini. Majikan juga perlu menyediakan kepada semua peringkat pekerja tidak kira pekerja atasan maupun pekerja bawahan latihan dan pendidikan asas bagi membolehkan mereka bekerja dengan lebih cekap dan mahir dalam satu pasukan dalam bidang-bidang mereka.

Harrys Siregar (2005) berkata, semakin canggih peralatan dan teknologi, semakin penting peranan latihan perlu dilaksanakan. Dalam program latihan ini, yang perlu ditekankan bukan hanya keupayaan teknikal mengoperasikan peralatan sahaja, tetapi juga disiplin dalam bekerja dan kemampuan mengesan secara awal kemungkinan kemalangan yang boleh berlaku. Oleh itu, majikan perlu menjalankan latihan untuk mendisiplinkan lagi para pekerja.

Menurut kajian-kajian di atas, latihan keselamatan amat diutamakan di dalam sesebuah organisasi. Hal ini kerana, kesedaran tentang amalan keselamatan merupakan suatu perkara yang penting kepada majikan dan pekerja bagi memastikan keselamatan di tempat kerja terjamin serta mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.

2.3 Peralatan Keselamatan

Hakimi, Shahida Mansor dan Muhammad Firdaus, 2014 (dipetik dari Ai Shuhara et al., 2003) berpendapat bahawa pekerja-pekerja sepatutnya peka akan keperluan alatan-alatan perlindungan diri yang tersedia mengikut kesesuaian tugas atau kerja yang ingin mereka laksanakan.

Sabri (2012) berkata bahawa setiap organisasi perlu dilengkapi dengan alat perlindungan diri (*personal protective equipment*) seperti *safety boot* dan *safety mask*. Bangunan pula dilengkapi dengan alat pemadam api dan di tempatkan diseluruh kawasan. Alat pemadam api di senggara secara berkala agar ia dapat digunakan dengan baik bila berlaku kebakaran.

Menurut Muhammad Sabir (2009) alat pelindung diri adalah kelengkapan yang wajib digunakan saat bekerja sesuai dengan keperluan untuk menjaga keselamatan pekerja itu sendiri dan orang di sekelilingnya.

Menurut kajian yang dibuat, peralatan keselamatan penting bagi pekerja yang ingin melakukan kerja mereka bagi menjamin keselamatan mereka. Di samping itu, kemalangan di tempat kerja juga dapat dikurangkan jika pekerja dapat menggunakan peralatan keselamatan dengan sebaiknya.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pendahuluan

Metodologi merupakan satu penyelidikan merujuk kepada cara bagaimana pengkaji ingin memperoleh maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Tujuan kajian ini dilakukan untuk mengkaji mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di syarikat Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

Di dalam perkara ini, pengkaji akan menerangkan hal-hal yang berkaitan dengan rekabentuk kajian, populasi dan sampel, instrumen kajian, tatacara kajian dan kaedah penganalisa data yang digunakan sepanjang pengkaji melakukan kajian ini.

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data dikumpulkan dengan cara mengedar borang soal selidik kepada pekerja di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Borang soal selidik merupakan teknik pengumpulan data yang dipilih dalam kajian ini. Dalam kajian ini, seramai 100 orang dipilih menjadi responden di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. Dalam kajian ini, kaedah persampelan yang digunakan adalah kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini sesuai

digunakan kerana populasi dikenalpasti mempunyai sifat seragam. Sebanyak 100 borang soal selidik telah dihantar kepada pekerja di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

Oleh itu, untuk memastikan objektif yang ditetapkan oleh pengkaji dilaksanakan dengan sempurna, pengkaji perlu memastikan kaedah yang digunakan adalah secara sistematik dan betul.

3.1 Rekabentuk Kajian

Tujuan rekabentuk kajian dijalankan adalah untuk membentuk satu rangka kerja sebagai tindakan awal kajian. Rekabentuk kajian dapat membantu untuk memperoleh data-data atau maklumat yang dikehendaki dalam membuat keputusan. Rekabentuk kajian ini juga dapat memastikan objektif pengkaji tercapai berdasarkan data-data yang dikumpulkan.

Rekabentuk kajian menerangkan mengenai kaedah yang dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian. Dalam penyelidikan ini pengkaji telah memilih kajian berbentuk tinjauan. Di mana kajian berbentuk tinjauan adalah untuk mendapatkan data dengan menggunakan borang soal selidik dan mengedarkan kepada responden.

Ini bermakna pengkaji mencari maklumat yang sesuai dengan melakukan tinjauan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd.

3.2 Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat dua kaedah pengumpulan data iaitu dengan menggunakan sumber data primer dan data sekunder.

a) Data Primer

Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik sebagai sumber data primer. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada pekerja-pekerja syarikat Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. bagi mendapatkan maklumat tentang perkara yang berkaitan dengan kajian iaitu mengenai persepsi pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Bahagian A – terdiri daripada latar belakang responden seperti jantina, status, bangsa, umur dan pendapatan. Soalan yang direka adalah berbentuk soalan aneka pilihan.
- ii. Bahagian B – terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian iaitu polisi keselamatan, latihan keselamatan dan peralatan keselamatan. Bentuk soalan yang dipilih adalah berbentuk Skala Likert. Ia merupakan satu kaedah soalan dimana skala jawapan akan diberi kepada responden. Di bahagian ini, responden menandakan skor pilihan berdasarkan kepada pendapat dan pandangan peribadi mereka bagi setiap pernyataan soalan yang dikemukakan.

b) Data Sekunder

Data sekunder merupakan sumber kedua yang digunakan oleh pengkaji. Data ini adalah data tambahan yang diperolehi sama ada melalui sumber bertulis yang biasanya boleh dirujuk dari artikel, jurnal dan buku laporan pengkaji.

3.3 Populasi dan Sampel

a) Populasi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan. Pekerja di syarikat Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. telah dipilih untuk menjadi responden dalam mendapatkan maklumat ke atas kajian yang dijalankan. Populasi ke atas responden di syarikat Integrated Logistics Solutions Sdn. Bhd. adalah seramai 300 pekerja.

b) Sampel Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah dengan mengambil sampel seramai 100 orang responden bagi mendapatkan maklumat. Pengkaji menggunakan pensampelan mudah dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Responden yang dipilih adalah secara rawak tanpa mengira umur, jantina dan juga agama.


3.4 Instrumen Kajian

Instrumentasi yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik iaitu dengan menggunakan satu set borang kajian yang terdiri daripada beberapa soalan yang berkaitan serta pilihan jawapan tertentu. Set borang kaji selidik ini mudah bagi responden untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji.

3.5 Tatacara Kajian

Tatacara kajian merujuk kepada langkah-langkah atau cara-cara yang perlu dipatuhi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian. Ia perlu dilakukan bagi mendapatkan keputusan yang terbaik daripada maklumat yang diperolehi melalui kajian yang dibuat.

Tatacara kajian ini menerangkan bagaimana keseluruhan proses kerja yang dilakukan oleh pengkaji secara ringkas bermula dari pensampelan sehingga proses menganalisis data. Ia bertujuan bagi memastikan bahawa maklumat yang diperoleh memenuhi spesifikasi ataupun kehendak pengkaji. Tatacara kajian dapat dilihat melalui gambarajah dan penerangan di bawah:



a) Perbincangan

Dalam proses ini, pengkaji akan membuat perbincangan bersama kumpulan sambil diberi tunjuk ajar oleh penyelia kajian. Soalan soalan yang berkemungkinan akan dirangka sebelum melakukan proses penilaian soalan, di mana soalan yang dipilih berdasarkan objektif kajian. Soalan soalan yang telah dipilih akan diteruskan kepada proses kedua iaitu proses pembinaan soalan.

b) Pembinaan soalan

Pembinaan soalan dibuat berdasarkan objektif kajian, di mana soalan yang dikeluarkan dapat menjawab objektif kajian ataupun tidak. Dalam proses ini ia mengambil masa selama seminggu untuk dilaksanakan. Setelah soalan yang bakal diajukan kepada responden telah siap, soalan ini akan dimasukan kedalam borang soal selidik dan akan diedarkan kepada responden.

c) Pengedaran borang soal selidik

Selepas selesai melakukan pembinaan soalan dan mendapat kelulusan daripada penyelia kajian, borang soal selidik ini akan diedarkan kepada responden. Borang akan diedarkan kepada pekerja syarikat Integrated Logistics Solutions Sdn Bhd. Pengkaji menggunakan kaedah rawak mudah, dimana pengkaji ke syarikat tersebut untuk mengedar soalan kepada pekerja.

d) Kutipan borang

Setiap responden diminta menjawab soalan dari borang soal selidik yang diedarkan. Setelah soalan dijawab, borang soal selidik akan dikutip kembali bagi tujuan analisis.

e) Analisis borang

Setelah dikembalikan borang, proses analisis akan dijalankan. Borang tersebut akan diasangkan mengikut jawapan responden bagi memudahkan penyelidik untuk analisis data mengikut jumlah dan peratusan.

3.6 Kaedah Penganalisaan Data

Para pengkaji telah menggunakan borang kaji selidik. Hasil dapatan menggunakan borang kaji selidik akan menghasilkan analisis peratus manakala perisian *Statistical Package of the Social Sciences* (SPSS) akan digunakan untuk membentuk graf, carta bar atau carta pai.